

**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN
PEJABAT BENDAHARI**

KUITTHO.(PB)10.12/04 (25)

Tarikh: 25 Mac 2004

PEKELILING BENDAHARI BIL. 4/2004

Semua Pengurus Bahagian
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Asalamualaikum w.b.t,

Y. Bhg. Prof/Tuan/Puan,

**KADAR BAYARAN ELAUN DAN HONORARIUM PEMERIKSA TESIS BAGI TUJUAN
PEPERIKSAAN LISAN PELAJAR PASCA IJAZAH**

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan kadar bayaran elaun dan honorarium Pemeriksa Tesis bagi tujuan peperiksaan lisan pelajar Pacsa Ijazah.

Lembaga Pengarah Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn telah bersetuju untuk Universiti menggunakan Pekeliling ini seperti berikut:-

1.0 LATARBELAKANG

- 1.1 Bermula semester I sesi 2003/2004, Pusat Pengajian Siswazah (PS) telah mula menerima permohonan mengemukakan tesis bagi tujuan peperiksaan lisan (viva) oleh pelajar-pelajar penyelidikan.
- 1.2 Secara umumnya peperiksaan lisan ini akan dinilai oleh sekurang-kurangnya 2 orang pemeriksa iaitu seorang Pemeriksa Luar dan seorang Pemeriksa Dalam.
- 1.3 Kedua-dua pemeriksa tersebut akan diberikan tempoh minimum sebulan bagi menyiapkan semakan tesis tersebut sebelum peperiksaan lisan dijalankan.

2.0 ASAS PERTIMBANGAN

- 2.1 Setiap pelajar penyelidikan dikenakan bayaran yuran peperiksaan.
- 2.2 Honorarium tersebut adalah merupakan penghargaan terhadap khidmat yang diberikan oleh pemeriksa-pemeriksa berkaitan (Luar / Dalam atau kedua-duanya).

- 2.3 Lazimnya pemeriksa-pemeriksa ini juga diperlukan untuk menyemak tesis yang memerlukan pembetulan selepas sesi “viva”.

3.0 KADAR DAN ELAUN

3.1 Kadar

- 3.1.1** Pemeriksa Dalam dan Luar diberi bayaran honorarium adalah seperti berikut:-

UNIVERSITI		KADAR BAYARAN DITERIMA OLEH PEMERIKSA LUAR	
		HONORORIUM	ELAUN & KEMUDAHAN LAIN
Dalam Negara & Luar Negara	Ph. D	RM 600	Ikut Kelayakan
	Sarjana	RM 400	

UNIVERSITI		KADAR BAYARAN DITERIMA OLEH PEMERIKSA DALAM	
		HONORORIUM	ELAUN & KEMUDAHAN LAIN
KUiTTHO	Ph. D	RM 300	Tiada
	Sarjana	RM 200	

Bayaran honororium yang disediakan adalah berdasarkan kepada pecahan kadar yuran khidmat peperiksaan pelajar pasca ijazah yang wajib dibayar oleh setiap pelajar penyelidikan sekali sepanjang pengajian iaitu:

- a) Yuran Khidmat Peperiksaan Penyelidikan Sarjana RM 600.00
- b) Yuran Khidmat Peperiksaan Penyelidikan Ph. D. RM 900.00

Manakala, bayaran lain-lain elaun dan kemudahan adalah mengikut kelayakan dan tertakluk kepada pekeliling semasa. Semua bayaran adalah berdasarkan peruntukan daripada Tabung Yuran Peperiksaan.

3.2 Elaun

- 3.2.1 Tiket kapal terbang bagi Pemeriksa Luar mengikut kesesuaian dan kelayakan pemeriksa, pergi dan balik.
- 3.2.2 Penginapan Pemeriksa Luar mengikut kelayakan untuk tempoh tidak melebihi dua malam.
- 3.2.3 Tuntutan elaun perjalanan bagi pemeriksa yang menggunakan kenderaan sendiri mengikut kelayakan.
- 3.2.4 Lain-lain elaun yang berkaitan, tertakluk kepada pekeliling yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

4.0 PERLAKSANAAN

- 4.1 Setiap tuntutan akan menggunakan borang rasmi yang disediakan. Borang ini perlu dilengkapkan selepas sesi peperiksaan selesai.
- 4.2 Setiap tuntutan akan diselenggarakan oleh Pusat Pengajian Siswazah dan menggunakan Tabung peperiksaan pelajar Pasca Ijazah yang telah diwujudkan oleh Pejabat Bendahari.

5.0 KUATKUASA PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar

HJ ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

 6007

- s.k
1. Yang Berbahagia Rektor, KUiTTHO
 2. Timbalan Rektor (HEP)
 3. Timbalan Rektor (Akademik)
 4. Pendaftar